



# Wadah Bahasa dan Sastera

RUANGAN KELOLAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SARAWAK



Berminat untuk menulis, sila hubungi Editor WBS di talian 082-227000, atau e-melkan kepada [idzam@dbp.gov.my](mailto:idzam@dbp.gov.my) dan [penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my](mailto:penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my)

## Pengekalan nilai estetika dalam puisi

NUR QURRATU AIN

**M**ELIHAT sebuah kapal persiaran meredah lautan luas berlatarkan matahari yang hampir terbenam di ufuk, pasti akan menggamit naluri tentang betapaindahnya gambaran terse-

but. Apatah lagi seandainya kita sendiri berada di atas kapal persiaran, sambil merasai angin senja menyapa tubuh dan membelai rambut. Pasti mengasyikkan. Akan terfikir dalam minda akan kebijaksanaan akal manusia yang mampu menciptakan pengangkutan yang sedemikian besar

untuk membawa jumlah penumpang yang ramai menjelajah ke ceruk dan rantau di muka bumi ini. Kesempurnaan reka bentuk sesebuah kapal membuat pelayaran di lautan yang luas terasa amat selesa dan mampu membangkitkan pengalaman yang sukar untuk dilupakan. Namun,

seandainya berlaku kesilapan dalam proses pembinaan kapal berkenaan, pasti akan mengundang petaka. Peristiwa tenggelamnya kapal *Titanic* menjadi bukti betapa kesilapan manusia boleh membawa kepada hilangnya beribu-ribu nyawa.

Begitulah persisnya proses penulisan puisi. Cuma perbezaannya, penghasilan sebuah puisi yang kurang baik tidak akan mengakibatkan nyawa terkorban. Akan tetapi elemen keindahan pada puisi berkenaan akan terhakis seperti terhakisnya kenangan indah ketika berada di atas kapal persiaran dengan belaian angin senja yang tiba-tiba direnggut ganas oleh petaka karamnya kapal berkenaan. Apabila kita membaca sebuah puisi yang baik, keindahan itu akan dapat kita rasai.

Bagi seseorang yang kuat daya imajinasinya, akan dapat digambarkan betapa perasaan sang penulis ketika melahirkan puisi berkenaan. Puisi yang indah mampu membuat pembaca menangis, ketawa, terkedu, insaf, teruja, tercabar dan bertafakur.

Namun, jika sebuah puisi kurang bertenaga, pembaca tidak akan dapat merasai apa-apa. Kosong. Apa yang tertulis cuma sekadar kata-kata yang membentuk rangkap-rangkap. Itu sahaja.

Penulisan sebuah puisi, seperti yang pernah dinyatakan, umpama menulis sebuah cerpen. Bezanya, apa yang ingin diceritakan diungkap dalam bait-bait dan rangkap-rangkap yang ringkas dan pendek. Dari awal hingga ke akhir,

penulis cuba menceritakan perihal sesuatu peristiwa atau keadaan yang dilihat atau dialaminya dengan menggunakan kata-kata yang indah dan disusun dalam bentuk yang indah. Mesejnya boleh sahaja langsung dan boleh juga berlapis. Langsung dengan erti kata mesejnya hanya satu. Berlapis, dengan erti kata ada makna yang lebih mendalam yang ingin diontarkan oleh penulis, dan untuk pembaca mengungkapkannya.

Penulis yang telah lama menulis, mampu melahirkan sebuah karya yang maknanya berlapis atau berlapis-lapis.

Dalam ruangan ini pada minggu lalu, telah disiarkan tiga buah puisi, iaitu *Rasuah* oleh Jessica Juli anak Julai, *Suara Perwira* karya Ferdrick Adam Gawa dan *Wajah Rindu* oleh Alexander anak Mesa. Puisi *Rasuah* dan berkisar tentang gejala rasuah yang berleluasa masa ini manakala *Suara Perwira* berfokus kepada persoalan perjuangan, manakala *Wajah Rindu* berupa luahan hati penulis yang kehilangan seseorang yang dekat dalam hidupnya. Membaca dan meneliti ketiga-tiga puisi ini mencabar minda penulis hingga tercetusnya analogi kapal pada awal tulisan ini tadi.

*Rasuah* merupakan luahan perasaan penulis (Jessica) tentang gejala rasuah, persoalan yang semakin banyak diperkatakan. Secara keseluruhannya, penulis cuba membangkitkan kesedaran dan membangkitkan keinsafan dalam jiwa pembaca dan masyarakat umum akan

keburukan amalan rasuah yang mampu memusnahkan sesebuah negara. Penulis cuba menggambarkan tentang kesan negatif amalan rasuah yang sukar dibendung. Penulis turut cuba menitipkan kesedaran dalam jiwa pembaca akan peri pentingnya amalan yang sedemikian itu dihindari dan hapuskan.

Gugusan idea yang ingin diketengahkan oleh penulis sememangnya baik. Namun, penzahiran idea berkenaan dalam bentuk bait-bait dan rangkap-rangkap yang indah, masih banyak yang boleh diperbaiki. Penulis memulakan puisi dengan menerapkan unsur anafora, iaitu pengulangan sesuatu kata untuk memperoleh kesan tertentu yang mendalam. Satu unsur yang baik andainya bijak dalam penerapan unsur berkenaan.

Namun, pengulangan kata yang tidak terkawal mampu menjejaskan keindahan sesebuah puisi andai tidak terkawal. Hal yang sedemikian ini dapat dikesan dalam puisi ini. Pengulangan kata *rasuah* dihadirkan terlalu kerap.

Bukan salah, namun, dalam konteks puisi ini dimaklumi bahawa mesej yang ingin diketengahkan adalah tentang rasuah. Tajuk puisi itu sendiri jelas menerangkan subjek yang ingin diperkatakan.

Secara tidak langsung, hal yang sedemikian membatasi ruang untuk penulis menerokai persoalan sampingan yang lebih mengesankan. Dalam memperkatakan persoalan yang serius, pengulangan perlu dikawal sebijak-bijaknya.

# Menulis

untuk ruangan Yang Indah Itu Bahasa (YIIB) dan Wadah Bahasa dan Sastera (WBS)

kelolaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak

**Puisi, Cerpen, Esei Kritikan, Artikel dan Berita Kegiatan yang berkaitan dengan bahasa dan sastera.**

\*Cerpen/esei dan berita (8-12 halaman, saiz fon 12 poin dan langkau dua baris). Puisi (1 halaman).  
Semua karya hendaklah ditulis dalam bahasa kebangsaan.

**Tiada Syarat Akademik.**  
Hanya karya yang layak selepas dinilai akan disiarkan.

**Bayaran Honorarium**  
tertakluk kepada perkiraan yang telah ditetapkan.

**Jangan lupa,**  
setiap karya hendaklah disertakan dengan nama penuh, alamat, no. kad pengenalan, no. telefon, nama bank dan nombor akaun anda.

---

Telefon  
082-227000

E-melkan ke  
[idzam@dbp.gov.my](mailto:idzam@dbp.gov.my)  
[penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my](mailto:penerbitan.dbpsar@dbp.gov.my)

Alamat Pos  
Editor YIIB dan WBS  
Unit Penerbitan, Aras 2,  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Cawangan Sarawak,  
Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub,  
93050 Kuching, Sarawak.